

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 16/12/2007

# Abdullah: Budayakan sikap suka menulis pengalaman

Oleh HATA WAHARI

**KUALA LUMPUR** 15 Dis. – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meminta para pegawai kerajaan yang telah lama berkhidmat supaya membudayakan sikap suka menulis dan menghasilkan buku mengenai pengalaman diri untuk tatapan generasi muda.

Perdana Menteri berkata, pengalaman dan pengetahuan pegawai tersebut perlu dibukukan untuk rujukan agar generasi akan datang mengetahui bagaimana negara ini dibangunkan.

“Pegawai-pegawai yang terlibat dalam pembangunan di luar bandar perlu mengambil inisiatif untuk menulis buku mengenai pengalaman mereka membangunkan ekonomi luar bandar dan pelbagai lagi pembangunan sosial lain.

“Sekiranya pengalaman dan pengetahuan itu tidak dibukukan, ia kelak hilang begitu sahaja dan generasi muda tidak akan mengetahui bagaimana keadaan negara pada masa itu,” katanya.

Abdullah berkata demikian ketika berucap melancarkan koleksi puisi *Merenung Jendela Hidup* karya Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di sini hari ini.

Turut hadir ialah isteri beliau, Datin Seri Jeanne Abdullah, Syed Hamid, Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin, Pengerusi Lembaga Pengelola DBP, Datuk Johan Jaaffar dan Ketua Pengarah DBP, Datuk Dr. Firdaus Abdullah.

Koleksi puisi karya Syed Hamid setebal 185 muka surat itu merakamkan cetusan pengalaman, kenangan dan renungan beliau sepanjang perjalanannya ke serata dunia yang mencakupi pelbagai aspek kehidupan seperti jati diri, patriotisme, keadilan, isu kemanusiaan dan antarabangsa.

Menurut Abdullah, para pegawai kerajaan perlu mencontohi Syed Hamid yang sempat meluangkan masa untuk mencatatkan pengalamannya dalam bentuk puisi.

“Saya mengetahui Syed Hamid menulis puisi apabila ternampak beliau menulis sesuatu di dalam kapal terbang semasa dalam perjalanan untuk lawatan rasmi.

“Saya menyatakan baguslah dan berharap ia dapat dibukukan untuk tatapan generasi muda mengenai pengalaman beliau,” katanya.


Sehubungan itu, katanya, ia perlu menjadi budaya kepada semua orang untuk mencatatkan pengalaman masing-masing agar ia nanti menjadi khazanah negara.

Abdullah juga meminta generasi muda menghargai khazanah negara, budaya dan seni bangsa bagi mengelakkan ia hilang selama-lamanya.

Tambah beliau, pada zaman moden ini yang menumpukan kepada sains dan teknologi maklumat, generasi muda semakin kurang menghargai budaya dan seni yang diwarisi turun-temurun.

“Generasi sekarang lebih tertumpu kepada kemajuan material, fizikal, prasarana serta kurang menghayati budaya dan seni bangsa.

“Kalau budaya bangsa ini dipenarkan di-



**ABDULLAH** Ahmad Badawi melihat buku puisi *Merenung Jendela Hidup* karya Syed Hamid Albar (kiri) sambil diperhatikan oleh Firdaus Abdullah pada majlis pelancaran buku tersebut di DBP, Kuala Lumpur, semalam.

bawa arus kemajuan, ia akan hanyut dan terus hilang serta satu hari nanti budaya negara ini akan hilang,” katanya.

Tegasnya, khazanah negara, seni dan bu-

daya ini amat penting kepada kerajaan kerana melibatkan usaha pembangunan modal insan yang antaranya memperkasakan diri individu dengan nilai-nilai murni.

UM - 16/12/2007